



**UNIT INTEGRITI
PIHAK BERKUASA PERANTI
PERUBATAN (MDA)**



KIT PANDUAN RINGKAS



PENCEGAHAN RASUAH

PIHAK BERKUASA PERANTI



PERUBATAN (MDA)



PENGENALAN

1. Kepimpinan YAB Perdana Menteri Malaysia ke-10, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang memfokuskan untuk mengurangkan dan membanteras gejala rasuah dan mempromosikan tatakelola yang terbaik merupakan salah satu dasar yang ingin dibangunkan sejajar dengan gagasan Malaysia Madani dengan menjadikan pentadbiran dan perkhidmatan awam yang bebas rasuah.
2. Agenda ini adalah selaras dengan iltizam dan matlamat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia berada di tangga 25 teratas dunia dalam tempoh 10 tahun akan datang. Selain itu, Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index - CPI*) yang dikeluarkan oleh *Transparency International* pada tahun 2022 telah merekodkan Malaysia berada di kedudukan ke-61 daripada 180 buah negara berbanding tangga ke-62 pada tahun 2021.
3. Sehubungan dengan itu, Kit Panduan Pencegahan Rasuah MDA ini dibangunkan sebagai satu usaha wajar Unit Integriti MDA dalam memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan.

TUJUAN

Kit panduan ini dibangunkan secara ringkas bertujuan sebagai sumber rujukan berkaitan bentuk suapan dan kesalahan rasuah dan tindakan pencegahan yang wajar dilakukan oleh warga MDA ketika berhadapan dengan situasi perlakuan rasuah. Selain itu, kit dibangunkan sebagai satu inisiatif pelan tindakan iaitu **Membudayakan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 [Akta 694]** seperti yang terkandung dalam **Objektif Strategi 3.2** di bawah **Bidang keutamaan Pengurusan dan Pentadbiran, Pelan Antirasuah (*Organizational Anti-Corruption Plan – OACP*) MDA 2022-2026**.

PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH MDA

MDA mensasarkan toleransi sifar terhadap rasuah di dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan berteraskan peranti perubatan yang selamat dan berkesan di Malaysia selaras dengan Polisi Antirasuah KKM. Empat terma rujukan berikut diberikan penekanan dalam merealisasikan sasaran berikut:

I. Dasar, Perundangan dan Peraturan

- Memahami dan mematuhi undang-undang, peraturan dan lain-lain arahan berkaitan antirasuah yang berkuat kuasa; dan
- Menerapkan elemen antirasuah dalam penggubalan dasar bagi meningkatkan kecekapan terhadap kelemahan tatakelola dan pelanggaran integriti.

II. Sistem dan Prosedur Kerja

- Mengenal pasti, mengkaji kelemahan dan menambah baik sistem dan prosedur kerja yang boleh membuka sebarang ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

III. Pengukuhan Governans dan Integriti

- Membudayakan integriti serta memperkukuhkan tatakelola terbaik dalam penyampaian perkhidmatan.

IV. Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan

- Memperkasa mekanisme pelaporan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan; dan
- Memastikan pematuhan kepada peraturan dan mengenakan tindakan punitif yang lebih tegas terhadap pelanggaran tatakelakuan dan peraturan yang berkuat kuasa.

PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Kit Panduan ini boleh dikemukakan melalui pegawai di Unit Integriti MDA seperti yang berikut:

- Puan Noor Arifah binti Abdul Latif: 03 - 8230 0239; atau
- Encik Musa bin Mohd Hussin: 03 - 8230 0390; atau
- E – mel ke Unit Integriti MDA – integriti@mda.gov.my



A. BENTUK SUAPAN (RASUAH)





B. KESALAHAN RASUAH AKTA SPRM 2009 [AKTA 694]

- ✘ Seksyen 16 – Kesalahan menerima suapan
- ✘ Seksyen 17 – Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen
- ✘ Seksyen 18 – Kesalahan dengan maksud untuk memperdayakan prinsipal oleh ejen (membuat tuntutan palsu)
- ✘ Seksyen 21 – Kesalahan menyogok pegawai badan awam
- ✘ Seksyen 23 – Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan (salah guna kuasa)



C. PANDUAN / TINDAKAN APABILA DITAWARKAN RASUAH



Sekiranya anda ditawarkan rasuah, **APA** perlu dilakukan?

“**TOLAK** tawaran rasuah tersebut **secara baik.**”

Sekiranya **TAWARAN** terus **BERLAKU?**

“**TOLAK** tawaran rasuah tersebut dengan memberikan **AMARAN.**”



Sekiranya **TAWARAN** masih LAGI **BERLAKU??**

KAEDAH 1 – TANGKAP PEMBERI

- **Rasuah adalah kesalahan boleh tangkap – Seksyen 49(1) Akta SPRM 2009.**
- **Tahan** pemberi rasuah dengan **seberapa segera** lapor dan bawa ke SPRM.
- **Sita wang yang diterima.**
- **Wang yang diterima mesti diserahkan kepada SPRM.**



Cara Menangkap (Seksyen 15 Kanun Prosedur Jenayah)

- **Disentuh badannya dan ditahan. Kecuali pemberi menyerah diri melalui perkataan atau perbuatan.**
- **Sekiranya dihalang, sebarang langkah perlu untuk membuat tangkapan boleh digunakan.**
- **Walau bagaimanapun, kaedah menangkap tidaklah sehingga menyebabkan **kematian**.**



KAEDAH 2 – TERIMA & LAPOR

- Terima suapan / wang / rasuah berkenaan
- **Dengan segera**, lapor kepada SPRM
- Suapan / Wang / Rasuah yang diterima **mesti** diserahkan kepada SPRM.



TINDAKAN WAJAR – Untuk Keselamatan




- **Maklumkan kepada Penyelia / Ketua Unit / Pengarah / Pengarah Kanan / Ketua Eksekutif**
- **Pastikan ada saksi lain yang mendengar atau melihat (sekiranya ada)**
- **Catat butiran kejadian yang berlaku dalam buku diari rasmi**

PENGIKTIRAFAN KEPADA PELAPOR RASUAH

- Pegawai awam yang melaporkan dan menolak rasuah, akan diberikan pengiktirafan dan penghargaan
- Sumber daripada **Surat KSN rujukan SPRM/BKP:20/22/1.9 tarikh 11 Mei 2011** bertajuk, **“Garis Panduan Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah”**.



	KETUA SETIAUSAHA NEGARA, MALAYSIA, Jabatan Perdana Menteri, Aras 4 Timur, Blok A, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya	Telefon : 88881480 88883381 Fax : 88883382
SPRM/BKP:20/22/1.9 // Mei 2011		
Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan		
		
PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM YANG MELAPORKAN PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH		

GAGAL MELAPOR

Gagal melapor pemberian, janji atau tawaran rasuah di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009

DENDA : Tidak lebih RM100,000

PENJARA : Tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali

Gagal melapor permintaan atau memperoleh suapan di bawah Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM 2009

DENDA : Tidak lebih RM10,000

PENJARA : Tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali

ANDA DILINDUNGI

Masyarakat tidak perlu gentar untuk membantu membanteras kes rasuah. SPRM sentiasa memastikan kerahsiaan maklumat yang diberikan dan **PEMBERI MAKLUMAT adalah dilindungi serta tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak dalam apa jua keadaan.**

- ✓ **PEMBERI MAKLUMAT** adalah orang yang membuat pendedahan tentang jenayah rasuah berdasarkan pengetahuannya. Mereka dilindungi di bawah Seksyen 65 Akta SPRM 2009.

- ✓ **PEMBERI MAKLUMAT** boleh dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

- ✓ **PEMBERI MAKLUMAT** yang menjadi **SAKSI** bagi sesuatu kes rasuah dilindungi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009.

D. RUJUKAN

1. Akta SPRM 2009 [Akta 694]
2. Polisi Antirasuah KKM
3. Kanun Prosedur Jenayah
4. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MDA 2022-2026

